

25 SEP 2001

Mahathir-Pengganas

TIADA BUKTI PENGGANAS SIMPAN WANG DI MALAYSIA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 25 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak ada sebarang bukti ditemui setakat ini bahawa pengganas menyimpan wang di Malaysia untuk maksud kegiatan ganas mereka.

Semasa bercakap pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menyiasat jika ada sebarang maklumat berhubung dakwaan itu.

"Setakat ini, daripada nama-nama yang kita terima, penyelidikan telah dibuat tetapi kita tidak dapat mengesan nama-nama orang yang dikatakan pengganas menyimpan wang dalam sistem perbankan kita," katanya sebagai mengulas dakwaan kononnya Osama bin Laden mempunyai simpanan wang di Malaysia dengan menggunakan nama samaran seperti yang dilaporkan akhbar baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menemui sebarang bukti terhadap tuduhan yang Osama menyimpan wang di Malaysia.

"Kalau pengganas menyimpan wang di negara ini, tidak bermakna kita menjadi tempat menyimpan wang untuk maksud kegiatan pengganas.

"Mungkin juga mereka telah menutup akaun tetapi maklumat yang kita dapat setakat ini tidak menunjukkan bahawa ada duit daripada pengganas yang dikumpul di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa kebiasaannya kerajaan tidak akan bertindak sekiranya tidak menerima maklumat mengenai "lawatan" pengganas ke Malaysia.

"Kalau ada orang asing yang datang ke sini untuk lari daripada tindakan undang-undang oleh mana-mana negara lain, mereka akan...kalau ada perjanjian ekstradisi, kita akan membenarkan mereka dihantar keluar.

"Sedangkan dahulu pun kita telah tolong menangkap pengedar dadah yang berada di Malaysia dan kita telah serahkan kepada negara yang mendakwa mereka menyalahi undang-undang negara berkenaan," katanya.

Laporan media asing baru-baru ini menyebut Malaysia sebagai antara sembilan negara Islam yang diminta menyerahkan pengganas kepada Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata setakat ini kegiatan keganasan yang dikesan di negara ini hanya melibatkan rakyat Malaysia dan tindakan sudah diambil kecuali beberapa lagi yang tidak dapat dikesan, mungkin mereka berada di sini atau di luar negara.

"Jadi soal menyerahkan (pengganas) kepada kuasa asing tidak timbul," katanya.

Beliau berkata Malaysia memang sedia bekerjasama kerana pendirian kerajaan jelas, ia menentang keganasan, menyokong tindakan memburu mereka tetapi perlu ada pertimbangan sama ada wujud justifikasi untuk berbuat demikian.

Ketika ditanya mengenai pandangan yang menyamakan pengganas dengan Islam, Dr Mahathir berkata terdapat juga pengganas yang menganut agama lain.

"Oleh itu, perlu ada persidangan untuk mendefinisikan keganasan dan tindakan yang harus diambil. Pendekatan serampang dua mata perlu diambil untuk menangani masalah keganasan," katanya.

Dr Mahathir berkata usaha patut dilakukan untuk menghapuskan punca kepada sentimen keganasan ini yang sehinggakan mendorong kepada orang sanggup membunuh diri.

"Kita mesti mengenalpasti punca-punca ini dan membendung keganasan di

masa depan. Tidak ada jaminan yang orang lain tidak akan menjadi pengganas," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan meminta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganjurkan persidangan antarabangsa mengenai keganasan, Perdana Menteri berkata Malaysia akan mengemukakan cadangan rasminya mengenai perkara itu.

Tetapi mungkin masanya tidak sesuai pada ketika ini, katanya.

-- BERNAMA

AFY KHY MFJ RON